

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Kosmo

TARIKH : 11 April 2023


SITASI :

M/S : 6

"Peruntukan RM1.5 juta laksana aktiviti perpustakaan" Kosmo, 11 April 2023, m.s 6

SUARA KONTEMPORARI
Kosmo!

Peruntukan RM1.5 juta laksana aktiviti perpustakaan



MOHD. SHAMSUL BAHARIN (duduk, tengah) bersama guru dan pelajar yang menyertai Program Nuzul al-Quran di Gua Musang semalam.

GUA MUSANG – Sebanyak RM1.5 juta setahun diperuntukkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan (PPAK) bagi perbelanjaan mengurus, pembelian buku, pembangunan dan mengadakan aktiviti bersama masyarakat.

Pengarah PPAK, Mohd. Shamsul Baharin Isa berkata, sebanyak RM207,000 daripada peruntukan **Perpustakaan Negara Malaysia** itu disalurkan kepada perpustakaan cawangan dan desa di seluruh negeri ini untuk diadakan aktiviti pembangunan modal insan.

Sehingga kini katanya, ter-

dapat sebanyak tujuh perpustakaan cawangan dan 34 perpustakaan desa di seluruh negeri.

Tambahnya, pihaknya kini giat menjalankan pelbagai aktiviti sebagai inisiatif bagi meningkatkan semula jumlah pengunjung ke perpustakaan selepas negara dilanda pandemik Covid-19 dua tahun lalu.

"Sambutan orang awam ke perpustakaan seluruh negeri Kelantan sebelum pandemik Covid-19 amat memberangsangkan.

"Namun jumlahnya semakin berkurangan sejak dua tahun lalu," katanya selepas Program

Nuzul al-Quran yang dianjurkan oleh Perpustakaan Awam cawangan Gua Musang di Bandar Baru di sini semalam.

Mohd. Shamsul Baharin memberitahu, bagi mengatasi masalah itu, pihaknya telah mengadakan pelbagai program bagi menarik kembali minat masyarakat termasuk pelajar sekolah untuk mengunjungi perpustakaan.

Selain itu katanya, pihak perbadanan turut mengadakan program secara maya serta membuat siaran langsung tentang aktiviti yang sedang dijalankan di media sosial untuk sebaran secara lebih meluas.